

15 MAY 1997

Mahathir - Perak

PERAK BERPOTENSI DALAM PELANCONGAN, KATA DR MAHATHIR PM

SERI ISKANDAR, 15 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Perak memiliki potensi besar dalam bidang pelancongan yang perlu dimajukan sepenuhnya bagi mendapatkan manfaat daripadanya.

Perdana Menteri berkata Perak mempunyai kecantikan semula jadi dan pelbagai tarikan pelancong seperti kolam air panas yang boleh dimajukan sebagai kawasan pelancongan bagi menjana pendapatan.

Dr Mahathir berkata kolam air panas di Jepun dan Korea serta di Eropah telah dijadikan kawasan tarikan palncong tetapi di Malaysia ianya belum diusahakan sedemikian.

Bagaimanapun, kerajaan Perak telah mengorak langkah untuk membangunkan aset ini dengan menarik pelaburan asing, kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas merasmikan kilang Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd di Seri Iskandar Pharmaceuticals Park (SIPP) di sini.

Perak mempunyai 15 kawasan air panas termasuk sebuah berukuran 25 km ldi Ulu Slim yang akan dimajukan oleh kerajaan negeri bagi menarik pelancong.

"Perak berjaya menjadikan tanah yang dulunya tiada nilai kepada satu hartanah yang mahal," katanya.

Satu contoh ialah Clearwater Sanctuary Golf Resort di Batu Gajah yang dulunya kawasan bekas lombong seluas 300 hektar kini dijadikan habitat yang menarik.

Dr Mahathir berkata pembangunan demikian boleh dijalankan di tempat lain kerana negara ini khususnya Perak mempunyai banyak kawasan bekas lombong.

Menurut beliau ini telah membantu Perak menyaingi negeri-negeri lain daripada segi pertumbuhan ekonomi dan negara pula akan mendapat faedah kerana kilang-kilang akan ditempatkan di sini dari beberapa kawasan yang sesak daripada segi industri yang mengalami kekurangan atenaga kerja.

Dr Mahathir berkata Perak telah melaksanakan pelbagai projek pembangunan meliputi bidang industri, pendidikan, riadah dan pelancongan yang dapat menarik pelaburan asing.

Pada persidangan akhbar itu yang turut dihadiri Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib, Perdana Menteri meminta semua kerajaan negeri memainkan peranan masing-masing selaras dengan konsep Persyarikatan Malaysia bagi mengenal pasti dan mengatasi halangan kepada pembangunan.

Dr Mahathir berkata negara ini bernasib baik kerana ketiga-tiga komponen Persyarikatan Malaysia -- kerajaan, perkhidmatan awam dan kesatuan sekerja -- bergerak sehaluan.

Di negara-negara lain, kesatuan sekerja dan perkhidmatan awam merupakan penghalang kepada pembangunan.

Kesatuan sekerja di negara luar menggunakan tenaga kerja ke arah menjejaskan kemajuan manakala perkhidmatan awamnya sekadar berminat menunjukkan ia berkuasa dan tidak menggunakan kuasa itu untuk kebaikan negara, kata beliau.

Sebelum berlepas pulang ke ibu negara pada 6.40 petang tadi, Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengadakan lawatan selama 45 minit ke Gua Tempurung di Gopeng yang merupakan antara gua batu kapur paling menarik di negara ini.

Gua sepanjang 1.9 km itu terletak dalam Gunung Tempurong dan sedangkan dibangunkan sebagai tarikan pelancongan bersepadu negeri ini oleh Syarikat Heritage Acres Sdn Bhd, iaitu syarikat usaha sama Yayasan Perak, Malaysian

Kuwaiti Investment Co Sdn Bhd dan Adorna Group.

Keseluruhan projek itu menelan belanja RM650 juta dan dijangka mengambil masa selama 12 tahun bermula tahun lepas. -- BERNAMA

TM MAI